

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JMK 312– Teori Kesusasteraan Mutakhir : Perspektif Perbandingan**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Teori Sastera Barat dan Timur masing-masing menyumbang kepada kajian-kajian kesusasteraan. Meskipun demikian, terdapat perbezaan antara kedua-duanya. Bincangkan dengan merujuk beberapa contoh yang sesuai.  

(25 markah)
2. Berdasarkan sebuah teori kesusasteraan yang anda fahami, buat satu analisis secara kritis cerpen "*Kejadian Dalam Estet*" oleh Keris Mas.  

(25 markah)
3. Teori Pengkaedahan Melayu gagasan Hashim Awang memfokuskan nilai-nilai kemelayuan dalam karya kesusasteraan. Salah satu daripadanya ialah keakraban manusia dengan alam. Berdasarkan puisi yang diberi, bincangkan nilai tersebut. (Sila lihat Lampiran).  

(25 markah)
4. Cerpen Keris Mas berjudul "Mereka Tidak Mengerti" memaparkan penentangan anak watan terhadap penjajah. Paparan tersebut dapat ditunjukkan dengan lebih rinci menerusi Teori pascakolonial. Bincangkan.  

(25 markah)
5. Teori sastera Islam menekankan hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam. Keharmonian dan kesejahteraan hidup bergantung kepada hubungan tersebut. Berdasarkan cerpen "*Sampah*" oleh Dayangku Mastura dalam antologi cerpennya berjudul "*Ahli Syurga*" (2015), bincangkan persoalan tersebut.  

(25 markah)
6. Novel *Salina* karya A.Samad Said merupakan sebuah novel yang dianggap istimewa dalam sejarah kesusasteraan Malaysia. Keistimewaan tersebut terletak pada beberapa aspek kepengarangannya dalam sesebuah novel. Bincangkan.  

(25 markah)

**Lampiran**

Pohon

kukira pohon ini  
lebih mulia daripada manusia.

dihanyutkan ke kuala  
dia tumbuh,  
menyempurnakan wujudnya.

tiada yang menjadi ahli politik  
untuk merebut kuasa  
atau meraja di atas  
bangsanya.

tiada yang  
mengumpat  
untuk mencantas  
kaki  
teman yang sedang  
naik tangga

atau  
berbohong  
supaya  
dia terperlus dalam  
kolam racunnya.

yang disempurnakan  
ialah tugas purba  
yang mengalir dalam  
urat batang dan ranting.

pohon ini lebih mulia  
dari manusia.

*(Muhammad Hj. Salleh. 2013:20)*